

27 MAY 2001

Kakitangan-Bantah

SEKUMPULAN KAKITANGAN NANYANG, CHINA PRESS BANTAH PENGAMBILALIHAN OLEH MCA

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Sekumpulan 50 kakitangan Jabatan Pengarang Nanyang Siang Pau dan China Press membantah cadangan pengambilalihan kedua-dua akhbar itu oleh MCA melalui syarikat pelaburannya, Huaren Holdings, kata jurucakap mereka Ding Lee Leong hari ini.

Ding yang juga wartawan Nanyang Siang Pau berkata mereka berbangga terhadap hakikat bahawa kedua-dua harian itu bebas daripada pengaruh politik.

"Tiada seorangpun daripada kami mahu melihat kedua-dua akhbar itu yang kami bekerja selama bertahun-tahun menjadi landasan parti politik," kata beliau pada persidangan media di sini.

Nanyang ditubuhkan pada 1923 sementara China Press ditubuhkan pada 1946 dan tidak pernah menjadi milik mana-mana parti politik di Malaysia.

Ding berkata mereka terkejut dan marah apabila mengetahui daripada laporan harian tempatan bahawa pemilik Nanyang Press "menghadapi tekanan hebat" untuk menjual syarikat itu kepada Huaren Holdings.

"Kami juga bimbang mengenai spekulasi bahawa saingan utama kami Sin Chew Jit Poh akan menguasai 18 peratus ekuiti dalam Nanyang Press, seiring dengan penguasaan 52 peratus Huaren Holdings," kata beliau.

Sin Chew belum memberi penjelasan mengenai perkara ini, kata beliau.

Beliau berkata kumpulan itu telah mengemukakan "bantahan keras" dalam bentuk rayuan kepada Hong Leong Group, pemiliuk kedua-dua harian itu sekarang, dan juga melancarkan kempen Riben Kuning" dengan kakitangan memakai riben kuning sebagai tanda bantahan.

Ding berkata kumpulan itu merayu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Pengerusi Barisan Nasional supaya campurtangan dan menghentikan urusan ini kerana "ini tidak adil kepada kakitangan yang tidak diajak berunding sama sekali mengenai perkara itu."

MCA ialah parti kedua terbesar dalam Barisan Nasional.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata cadangan pengambilalihan itu bersifat urusan perniagaan semata-mata.

-- BERNAMA

AT NZ AAM FAZ